



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN MODUL BIMBINGAN KELOMPOK TEORI
PILIHAN TERAPI REALITI TERHADAP
TINGKAH LAKU DAN KEPERLUAN
ASAS MURID PONTENG
SEKOLAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMMAD NAJIB BIN HUSMAN @ OTHMAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN MODUL BIMBINGAN KELOMPOK TEORI PILIHAN TERAPI REALITI
TERHADAP TINGKAH LAKU DAN KEPERLUAN ASAS MURID
PONTENG SEKOLAH**

MUHAMMAD NAJIB BIN HUSMAN @ OTHMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

- Kertas Projek
- Sarjana Penyelidikan
- Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
- Doktor Falsafah


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada⁸.....(hari bulan).....⁷..... (bulan) 20.....²⁵.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, Muhammad Najib Bin Husman@Othman, P20171000560, Fakulti Pembangunan Manusia (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kesan Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti terhadap Tingkah Laku dan Keperluan Asas Murid Ponteng Sekolah

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Profesor Dr. Ahmad Jazimin bin Jusoh (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kesan Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti terhadap Tingkah Laku dan Keperluan Asas Murid Ponteng Sekolah

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

25.07.2025

Tarikh


Profesor Dr. Ahmad Jazimin Jusoh
Tandatangan Penyelidikan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tandatangan Penyelia Malim, Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Kesan Modul Bimbingan Kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti terhadap
Tingkah Laku dan Keperluan Asas Murid Ponteng Sekolah

No. Matrik / Matric's No.: P20171000560

Saya / I / : Muhammad Najib Bin Husman@Othman
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS

MUHAMMAD NAJIB BIN HUSMAN @ OTHMAN
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

25.07.25

Tarikh: _____

Profesor Dr. Ahmad Jazmin Jusoh
(Tandatangan Penyelidik / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Copy of Supervisor)
Tandatangan Penyelidik Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera serta Salam Malaysia Madani. Terima kasih diucapkan kepada semua bagi menjayakan Kesan Modul Bimbingan Kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) Terhadap Tingkah laku dan Keperluan Asas murid ponteng sekolah. Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Perak Serta Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Perak yang telah memberikan kebenaran menjalankan kajian di sekolah yang terpilih. Terima kasih terhitung buat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) khususnya kepada tenaga kerja akademik dan bukan akademik kerana membantu melancarkan pengurusan pelaksanaan kajian ini. Setinggi penghargaan kepada Profesor Dr. Hj. Ahmad Jazimin Bin Jusoh, selaku penyelia utama bersama Profesor Mohd Aziz Shah Bin Mohd Arip merupakan penyelia kedua yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar tanpa jemu dengan penuh sabar dan kasih sayang, di samping menjadi inspirasi dan sumber rujukan bagi pengkaji. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan atas segala jasa budi dan pengorbanan yang telah diberikan oleh penyelia. Segala idea-idea yang disumbangkan oleh penyelia telah banyak memberikan pedoman yang amat berharga dalam kehidupan pengkaji. Tidak terlupa buat isteri tercinta, Puan Nurul Shuhada Binti Sharif Mudin yang sentiasa menjadi pendengar setia, penasihat dan sentiasa menemani saat-saat getir demi melunaskan amanah ini. Buat anak-anak tersayang Aisyah Najihah dan Muhammad Rayyan Nuh terima kasih memudahkan urusan dan memahami perjuangan ayah dalam pengembaraan mencari ilmu ini. Terima kasih juga kepada Pengetua dan rakan-rakan guru SMK Dato' Ahmad Lenggong Perak yang sentiasa memberikan dorongan dan bimbingan, di samping memberikan kata-kata semangat dan kekuatan untuk terus berusaha dan berjuang dalam menghadapi dugaan yang hebat ini. Terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi dorongan serta motivasi dari semasa ke semasa sepanjang proses menyiapkan tesis ini dengan sebaiknya. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Segala bantuan, didikan, nasihat, tunjuk ajar serta dorongan yang diberikan oleh semua pihak di atas telah membawa kepada satu hasil kejayaan yang amat bernilai dalam kehidupan pengkaji secara tidak langsung. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai kesan modul bimbingan kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah. Reka bentuk kajian ini ialah eksperimen kuasi dengan pendekatan ujian pra dan pasca, melibatkan dua kumpulan rawatan (bimbingan kelompok besar dan bimbingan kelompok kecil) serta satu kumpulan kawalan. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak bertujuan dan dilaksanakan di daerah Hulu Perak melibatkan lima buah sekolah menengah. Data dikumpulkan melalui soal selidik Keperluan Asas Individu yang mengandungi lima sub-konstruk keperluan asas individu menurut Teori Pilihan Terapi Realiti dan Skala Ohio dikenali sebagai *Youth Problem, Functioning and Satisfaction Scales*. Skala ini terdiri daripada tiga sub-konstruk iaitu masalah, kefungisian, dan kepuasan. Seramai 77 subjek terlibat dalam kajian ini, dibahagikan kepada dua kumpulan rawatan dan satu kumpulan kawalan. Kumpulan rawatan pertama, bimbingan kelompok kecil (R1a), terdiri daripada 11 murid, manakala kumpulan rawatan kedua, bimbingan kelompok besar (R2), melibatkan 33 murid. Kumpulan kawalan (K1) juga terdiri daripada 33 murid. Subjek dalam kumpulan rawatan menjalani lapan sesi dan lapan aktiviti bimbingan kelompok. Data kuantitatif dianalisis menggunakan SPSS melalui kaedah analisis deskriptif untuk perbandingan min serta analisis inferensi menggunakan ujian t (*Paired Sample t-test*) dan MANOVA. Hasil kajian menunjukkan bahawa modul MBKCTRT memberikan kesan signifikan terhadap peningkatan tingkah laku dengan nilai min 0.232 dan keperluan asas murid ponteng sekolah dalam kumpulan rawatan dengan nilai min 0.848, berbanding dengan kumpulan kawalan yang menunjukkan kesan yang kurang signifikan. Secara keseluruhan, MBKCTRT terbukti berkesan dalam meningkatkan tingkah laku serta memenuhi keperluan asas murid yang ponteng sekolah, dengan keberkesanan yang lebih ketara dalam kelompok yang lebih besar iaitu min 3.47 berbanding kelompok kecil iaitu min 3.23. Oleh itu, MBKCTRT berpotensi dijadikan sebagai intervensi yang dalam menangani isu ponteng sekolah. Implikasi kajian ini menyumbang kepada bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan pembangunan modul bimbingan kelompok kecil dan besar.





THE IMPACT OF CHOICE THEORY REALITY THERAPY GROUP GUIDANCE MODULE ON TRUANCY BEHAVIOR AND BASIC NEEDS OF STUDENTS

ABSTRACT

This study aimed to evaluate the effectiveness of the Group Counselling Module based on Choice Theory Reality Therapy (MBKCTRT) in addressing behavioural issues and fulfilling the basic needs of students involved in truancy. A quasi-experimental design with pre- and post-tests was adopted, involving two treatment groups (large group counselling) and (small group counselling) and one control group. The study employed purposive random sampling and was conducted in five secondary schools in the Hulu Perak district. A total of 77 students participated, comprising 11 in the small group (R1a), 33 in the large group (R2), and 33 in the control group (K1). The intervention consisted of eight group counselling sessions involving structured activities. Data were collected using the *Basic Needs Questionnaire* based on the five needs outlined in Choice Theory, and the *Ohio Youth Problem, Functioning and Satisfaction Scales*, which measure problems, functioning, and satisfaction. Quantitative data were analysed using SPSS. Descriptive statistics were used to compare mean scores, while inferential statistics were applied using the Paired Sample t-test and MANOVA to assess the significance of the intervention effects. Findings indicated that the MBKCTRT module significantly improved student behaviour (mean difference = 0.232) and helped meet their basic needs (mean difference = 0.848), compared to the control group which showed less significant change. The large group counselling approach demonstrated greater effectiveness (mean = 3.47) than the small group (mean = 3.23). In conclusion, MBKCTRT is an effective intervention for improving behaviour and addressing the psychological needs of students who are truant. The study contributes to the field of guidance and counselling by supporting the implementation of structured group counselling modules, both small and large, as a strategy to reduce school truancy.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan masalah	9
1.3 Tujuan Kajian	19
1.4 Objektif Kajian	19
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Hipotesis Kajian	20
1.7 Kepentingan Kajian	21
1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	22
1.7.2 Pengamal Bimbingan dan Kaunseling	22
1.7.3 Pengamal <i>Choice Theory Reality Therapy</i> (CTRT)	23

1.7.4	Bimbingan Kelompok	23
1.7.5	Kepelbagaian Intervensi	24
1.8	Definisi Kajian	26
1.8.1	<i>Choice Theory Reality Therapy (CTRT)</i>	27
1.8.2	Bimbingan Kelompok	32
1.8.3	Modul Bimbingan	34
1.8.4	Tingkah laku	35
1.8.5	Keperluan asas	36
1.8.6	Murid	39
1.8.7	Ponteng	40
1.9	Limitasi Kajian	43
1.9.1	Teori	43
1.9.2	Tempat Kajian	44
1.9.3	Responden Kajian	45
1.10	Kesimpulan	46

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	47
2.2	Kajian berkaitan modul	47
2.3	Bimbingan kelompok <i>Choice Theory Reality Therapy (CTTRT)</i>	53
2.4	<i>Choice Theory Reality Therapy (CTRT)</i>	57
2.4.1	Terapi Realiti	57
2.4.2	<i>Want, Doing, Evaluate, Planning (WDEP)</i>	62
2.4.3	<i>Basic Needs (Keperluan Asas)</i>	64
2.4.4	<i>Total Behavior (Tingkah laku keseluruhan)</i>	70

2.4.5	Identiti Gagal dan Identiti Berjaya	72
2.4.6	<i>Quality World</i>	75
2.5	Keperluan Asas	80
2.6	Teori Tingkah Laku	85
2.6.1	Kajian berkaitan Tingkah Laku	93
2.7	Kajian berkaitan ponteng	101
2.8	Kajian berkaitan strategi menangani ponteng	113
2.8.1	Strategi berasaskan sekolah	113
2.8.2	Strategi berasaskan model	124
2.8.3	Faktor ponteng sekolah	129
2.9	Kesimpulan	140

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	141
3.2	Reka bentuk kajian	141
3.2.1	Kumpulan Rawatan	144
3.2.1.1	Kumpulan Rawatan A dan B (Bimbingan Kelompok kecil dan besar)	145
3.2.1.2	Kumpulan kawalan (Program sedia ada di sekolah)	145
3.2.2	Kumpulan Ujian Pra (X1,X3,X5) dan Ujian Pasca(X2,X4,X6)	146
3.2.3	Kajian Keperluan	146
3.2.4	Kajian Rintis	148
3.2.5	Menyemak ketepatan bahasa dan kefahaman MBKCTRT	150
3.2.6	Menguji kesahan kandungan MBKCTRT dengan kaedah pengkritik luar	151

3.3	Lokasi Kajian Eksperimen	155
3.4	Soal Selidik Tingkah Laku berpandukan Instrumen Skala Ohio (<i>Ohio Scale/Ohio Youth Problem, Functioning and Satisfaction Scale</i>)	157
3.4.1	Konstruk Instrumen Kajian	158
3.4.2	Pemarkatan Instrumen Kajian	159
3.4.3	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Tingkah Laku berpandukan Instrumen Skala Ohio (OYBM)	161
3.5	Soal selidik Keperluan Asas	166
3.6	Subjek Kajian	173
3.6.1	Populasi kajian	173
3.7	Prosedur menjalankan kajian	174
3.8	Pemilihan kaunselor dalam melaksanakan Bimbingan Kelompok	175
3.9	Pemilihan murid salah laku disiplin ponteng sekolah	176
3.10	Pelaksanaan modul bimbingan kelompok	177
3.10.1	Fasa 1: Penentuan Masalah Kajian	180
3.10.2	Fasa 2: Membangunkan modul Bimbingan Kelompok	180
3.10.3	Fasa 3: Kesahan modul	180
3.10.4	Fasa 4: Kebolehpercayaan modul	184
3.10.5	Fasa 5: <i>Training of Trainer</i> (TOT)	186
3.10.6	Fasa 6: Menguji kesan modul Bimbingan Kelompok	186
3.11	Kaedah Pengumpulan Data	187
3.12	Penganalisan Data	187
3.13	Kesimpulan	190

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	191
4.2	Objektif Kajian	191
4.2.1	Untuk mengkaji perbezaan antara ujian pra dan ujian pos bagi tingkah laku dan keperluan asas kepada murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kawalan	192
4.2.2	Untuk mengkaji perbezaan antara ujian pra dan ujian pasca bagi dimensi tingkah laku (masalah, kepuasan, kefungsiian) kepada murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kawalan	195
4.2.3	Untuk mengkaji perbezaan antara ujian pra dan ujian pasca bagi dimensi keperluan asas (kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan, keseronokan) kepada murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kawalan	201
4.2.4	Untuk menganalisis perbezaan rawatan dalam modul MBKCTRT adalah lebih baik dalam kelompok besar berbanding kelompok kecil	209
4.2.5	Untuk menganalisis perbezaan ujian pra dan ujian pos sub konstruk tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan, keseronokan dan masalah, kefungsiiaan serta kepuasan	211
4.2.6	Untuk menganalisis perbezaan ujian pra dan ujian pos sub konstruk tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan dan keseronokan serta masalah, kefungsiiaan dan kepuasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan jenis kelompok	215
4.3	Kesimpulan	218

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	219
5.2	Rumusan Kajian	219
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	222

5.3.1	Perbezaan antara ujian pra dan ujian pasca bagi tingkah laku dan keperluan asas kepada murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kawalan	223
5.3.2	Perbezaan antara ujian pra dan ujian pasca bagi dimensi tingkah laku (masalah, kepuasan, kefungisian) kepada murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kawalan	225
5.3.3	Perbezaan ujian pra dan ujian pasca tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan jenis kelompok	229
5.3.4	Perbezaan ujian pra dan ujian pasca rawatan dan kawalan bagi dimensi keperluan asas (kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan, keseronokan) dan tingkahlaku kepada murid ponteng sekolah berdasarkan jenis kelompok	233
5.4	Impilkasi Kajian	243
5.4.1	Implikasi Teori	243
5.4.2	Implikasi Empirikal	245
5.4.3	Implikasi Praktikal	246
5.5	Limitasi	247
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	247
5.7	Kesim	249
	RUJUKAN	250
	LAMPIRAN	277

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
1.1	Data Salah Laku Ponteng Sekolah Tahun 2016 hingga 2018	11
1.2	Data Analisis Jumlah Murid Tingkatan 5 Tidak Hadir Lebih 25 Hari Mengikut Negeri Dari Mac Hingga September 2023	12
1.3	Peratus Kategori Tiada sebab: Sebab-sebab ketidakhadiran murid tingkatan 5 Mengikut Negeri Dari Mac Hingga September 2023	13
1.4	Data Pengesanan Murid Dibuang Sekolah (Tindakan Disiplin) Mengikut Pecahan Setiap Negeri Dari Mac Hingga September 2023	14
3.1	Pecahan kelompok dalam kajian	144
3.2	Kebolehpercayaan soal selidik kajian rintis	150
3.3	Kesahan Kandungan MBKCTRT	152
3.4	Kesahan Modul berdasarkan Russell (1974)	154
3.5	Data statistik salah laku ponteng di daerah Hulu Perak	157
3.6	Item dalam Skala Ohio (terjemahan daripada Ohio Youth Problem, Functioning and Satisfaction Scales)	158
3.7	Korelasi antara Ohio Scales versi Bahasa Inggeris (OYS) dengan Skala Ohio versi Bahasa Melayu (OYBM)	164
3.8	Jumlah item bagi setiap subkonstruk Soal Selidik Keperluan Asas Individu	167
3.9	Skor jawapan item soal selidik Keperluan Asas Individu	167
3.10	Pemarkatan Soal Selidik Keperluan Asas Individu	168

3.11	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik Keperluan Asas Individu	169
3.12	Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik Keperluan Asas Individu mengikut Subkonstruk	169
3.13	Pembahagian item bermutu dan tidak bermutu (survival)	170
3.14	Pembahagian item bermutu dan tidak bermutu (freedom)	171
3.15	Pembahagian item bermutu dan tidak bermutu (love and belonging)	171
3.16	Pembahagian item bermutu dan tidak bermutu (power)	172
3.17	Pembahagian item bermutu dan tidak bermutu (fun)	172
3.18	Jadual data kehadiran murid untuk pengeluaran surat amaran	173
3.19	Jumlah populasi murid ponteng sekolah darah Hulu Perak	173
3.20	Modul Bimbingan Kelompok Choice Theory Reality Therapy (CTRT)	177
3.21	Pemarkatan bagi Skala Penilaian Kesahan Kandungan Modul Bimbingan Kelompok CTRT	183
3.22	Pemarkatan bagi Soal Selidik Kebolehpercayaan Modul Bimbingan Kelompok	185
4.1	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	193
4.2	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan) – Tingkah Laku	193
4.3	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	194
4.4	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)-	195
4.5	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	196

4.6	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)	197
4.7	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	198
4.8	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)	198
4.9	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	200
4.10	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)- Kefungsian	200
4.11	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	201
4.12	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)- Kelangsungan hidup	202
4.13	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	203
4.14	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)- Kepunyaan	203
4.15	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	204
4.16	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)- Kuasa	205
4.17	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	206
4.18	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)- Kebebasan	206
4.19	Nilai Min (Perbezaan Kelompok Kawalan dan Rawatan)	208
4.20	Perbezaan Kelompok Kecil (Rawatan) dengan Kelompok Besar (Kawalan)- Keseronokan	208
4.21	Analisis perbezaan rawatan dalam modul MBKCTRT mengikut jenis kelompok	209
4.22	Analisis perbezaan tingkah laku menerima rawatan	210

	mengikut jenis kelompok	
4.23	Analisis perbezaan keperluan asas menerima rawatan mengikut jenis kelompok	210
4.24	Analisis perbezaan keperluan asas menerima rawatan mengikut jenis kelompok	211
4.25	Ujian univariate bagi sub konstruk tingkah laku	212
4.26	Ujian multivariate bagi sub konstruk keperluan asas	213
4.27	Ujian univariate bagi sub konstruk keperluan asas	214
4.28	Ujian univariate bagi sub konstruk tingkah laku berdasarkan jenis kelompok	215
4.29	Ujian univariate bagi sub konstruk keperluan asas berdasarkan jenis kelompok	217



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Kerangka Choice Theory	77
3.1	Carta Alir Pelaksanaan Modul bimbingan kelompok Choice Theory Reality Therapy (CTRT)	187





SENARAI SINGKATAN

BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
CTRTR	Choice Theory Reality Therapy atau Teori Pilihan Terapi Realiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MBKCTRTR	Modul Bimbingan Kelompok <i>Choice Theory Reality Therapy</i>
OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
PBBB	Persatuan Bangsa- Bangsa Bersatu
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>





BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab pendahuluan ini, pengkaji akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, definisi kajian, kesignifikan kajian dan juga limitasi kajian. Setiap sub tajuk ini akan dihuraikan dengan terperinci dalam bab ini.

1.1 Latar Belakang Kajian

Sekolah merupakan institusi kedua yang penting dalam proses menimba ilmu setelah pembelajaran di rumah. Guru-guru juga telah menjalani latihan yang komprehensif untuk mengajar murid dengan berkesan. Walau bagaimanapun, tidak semua murid mempunyai minat yang tinggi untuk menghadiri sekolah. Masalah ponteng sekolah yang telah wujud sejak sekian lama menjadi isu disiplin yang serius dan semakin berleluasa dalam kalangan murid. Masalah ini amat sukar untuk ditangani (Daud et al., 2021). Salah laku berkaitan ponteng sekolah merupakan salah laku disiplin murid





yang utama dalam arena pendidikan di Malaysia. Ponteng sekolah bukanlah suatu fenomena yang baru kerana seawal tahun 1876, *The Elementary Education Act* telah menetapkan prosedur untuk menangani masalah ponteng sekolah di England. Di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan buku panduan untuk mengatasi masalah ponteng sekolah pada tahun 1994, serta surat pekeliling ikhtisas bil. 6/1995 bagi menangani isu ini. Selain itu, KPM juga telah memperkenalkan modul Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM) pada tahun 2004 untuk tujuan yang sama. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi jawatankuasa bertindak Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 di bawah teras kedua: membangunkan modal insan dalam aspek pengukuhan disiplin murid berusaha melaksanakan pendekatan secara holistik bagi menangani gejala disiplin melalui kempen anti ponteng sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005).



Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBBB) memperkenalkan agenda keempat dalam Matlamat Pembangunan Lestari ke-4 atau *Sustainable Development Goal 4 (SDG 4)* menyatakan kepentingan pendidikan berkualiti dengan memberikan peluang pendidikan yang adil dan pembelajaran sepanjang hayat untuk mencapai hasil pembelajaran yang berkesan. Ini merupakan cabaran kepada negara-negara *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari menjelang 2030 (OECD,2019).

Konsep Malaysia Madani dalam kajian ini dapat dibantu melalui Pendidikan yang Inklusif dan Adil memastikan setiap individu, termasuk murid yang mungkin mempunyai cabaran atau masalah yang menyebabkan mereka ponteng sekolah, diberi





peluang yang adil dan setara untuk mendapat akses kepada pendidikan berkualiti. Penekanan ke arah keadilan sosial dengan mengenal pasti faktor-faktor di luar kawalan murid yang mungkin menyebabkan mereka ponteng sekolah, seperti kemiskinan, gangguan keluarga, atau masalah psikologi. Sistem sokongan yang efektif dapat membantu murid menghadapi cabaran melalui kerjasama komuniti dan agensi antara pelbagai pihak seperti sekolah, keluarga, masyarakat tempatan, dan agensi kerajaan untuk menangani isu ponteng sekolah secara holistik serta Pendidikan Moral dan Kewarganegaraan dapat menggalakkan nilai-nilai seperti tanggungjawab, integriti, dan semangat kebersamaan. Ini dapat membantu membentuk kesedaran dan komitmen dalam kalangan murid terhadap pentingnya hadir ke sekolah dan mematuhi peraturan. (Anwar Ibrahim, 2022).



bertarikh 30 April 2018 adalah di rujuk mengenai pelaksanaan Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2018 sangat prihatin terhadap isu salah laku disiplin dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, (KPM) sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai program intervensi selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang memberi tumpuan kepada aspek keberhasilan murid. Justeru, (KPM) berhasrat untuk menangani isu salah laku disiplin murid secara berfokus dan berterusan di bawah Inisiatif 110 Pembangunan Nilai dan Sahsiah melalui Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM). PPSDM dilaksanakan dengan menjadikan kemahiran insaniah sebagai elemen penting dalam pengurusan murid, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mereka dalam mengubah sikap dan tingkah laku, serta membangunkan potensi diri secara menyeluruh. Oleh itu,





keberkesannya berdasarkan buku panduan mengatasi ponteng sekolah dan modul (PPSDM) sedia ada di lihat kurang memberi impak kerana data murid ponteng menunjukkan peningkatan kes dari tahun ke tahun terus meningkat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Sejarah perkembangan pendidikan di Malaysia menunjukkan bahawa pendidikan telah dijadikan alat untuk membangunkan modal insan yang memiliki jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan, dan berkemahiran tinggi demi mencapai kemajuan dan kestabilan negara. Oleh itu, pada tahun 2006, jemaah menteri telah meluluskan memorandum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menangani masalah salah laku murid dan meluluskan peruntukan tambahan sebanyak 6.1 juta ringgit setahun (Ang, 2007).



Di Malaysia, antara tahun 1994 hingga 2003, gejala ponteng sekolah dalam kalangan murid merupakan salah laku yang paling dominan dan menonjol (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004). Ponteng sekolah bukanlah isu sosial yang baharu dalam kalangan murid sekolah di Malaysia. Data Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan bilangan murid yang ponteng sekolah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 1993, bilangan murid yang terbabit dengan kes ponteng sekolah adalah seramai 32,092 orang, dan meningkat kepada 80,937 orang pada tahun 1997. Majoriti murid sekolah menengah yang ponteng sekolah berumur antara 14 hingga 15 tahun. Dari segi jantina, murid lelaki lebih ramai ponteng sekolah berbanding murid perempuan (Mohamad Sharif & Suria, 2012).





Laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2004) menyatakan bahawa masalah ponteng sekolah merupakan isu utama dalam rekod salah laku murid. Walau bagaimanapun, laporan tersebut tidak dapat menjelaskan sejauh mana tahap penglibatan seseorang murid dalam masalah ponteng sekolah. Kesalahan yang sama mungkin dilakukan secara berulang kali oleh murid yang sama, menyebabkan jumlah kes tersebut meningkat. Murid yang tidak berminat untuk belajar sesuatu mata pelajaran kerap kali hilang semangat untuk belajar dan seterusnya ponteng sekolah. Keadaan ini akan menjadi lebih serius jika guru tidak berusaha untuk menarik minat murid terhadap pembelajaran mereka (Azizi, et al., 2011). Fenomena ini telah menarik perhatian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengingatkan semua murid agar menjaga rekod kehadiran sekolah kerana ia akan mendatangkan masalah selepas meninggalkan alam persekolahan (Zulkifli, 2007).



Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menyatakan bahawa sebanyak 402 buah sekolah “*Hot Spot*” menengah dan rendah di negara ini sedang dalam pemerhatian berikutan isu disiplin murid yang memerlukan perhatian serius. Walaupun bilangan sekolah itu kecil berbanding jumlah keseluruhan sekolah di Malaysia yang mana lebih dari 10,208 buah sekolah meliputi sekolah rendah 7772 buah sekolah dan menengah 2436 buah sekolah dan bilangan murid sekolah rendah seramai 2,727,068 dan murid sekolah menengah seramai 2,007,692, namun jika tindakan segera tidak diambil, kemungkinan besar masalah disiplin di sekolah-sekolah terbabit akan bertambah buruk dan merebak ke sekolah serta murid lain.

Surat pekeliling ikhtisas bil. 6/1995: menangani masalah ponteng di sekolah menyatakan bahawa laporan salah laku murid sekolah menunjukkan bahawa ponteng





sekolah dan ponteng kelas merupakan salah laku yang tertinggi peratus penglibatan dalam kalangan murid. Faktor ponteng seperti sikap murid itu sendiri, latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya, suasana sekolah dan persekitaran antara punca berlakunya masalah ponteng. Bermakna ia membabitkan faktor dalam sekolah dan luar sekolah. Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) ke arah '*Zero Defect*' dalam menangani masalah ponteng sekolah dan ponteng kelas akan terjejas jika kedua-dua masalah ini tidak diatasi dengan segera. Ponteng sekolah dan ponteng kelas adalah perlakuan yang melanggar peraturan sekolah, dan jika dibiarkan sehingga menjadi kebiasaan dan tabiat, ia boleh membawa kesan negatif terhadap diri murid, keluarga, dan sekolah. Perlakuan ini boleh menyebabkan murid kehilangan sifat tanggungjawab, ketinggalan dalam pelajaran, dan yang paling dibimbangi adalah mereka akan terlibat dalam kegiatan-kegiatan negatif.



Surat pekeliling iktisas bil. 6/1995: Terdapat dua faktor utama yang menyebabkan murid melakukan salah laku ponteng, iaitu faktor sekolah dan faktor luar sekolah. Faktor luar sekolah biasanya berada di luar kawalan sekolah untuk menanganinya. Walaupun begitu, selain memberi tumpuan kepada faktor dalam sekolah, usaha yang lebih berkesan terhadap kedua-dua faktor tersebut perlu dilakukan. Surat pekeliling ini bertujuan mengingatkan semua pegawai pendidikan bahagian/daerah, pengetua, guru besar, dan guru-guru mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi membanteras salah laku ponteng di sekolah, terutamanya ponteng sekolah dan ponteng kelas. Kementerian Pendidikan Malaysia (1994) telah menerbitkan dan mengedarkan buku panduan mengatasi masalah ponteng di sekolah-sekolah. Saranan dan cadangan yang dikemukakan dalam buku tersebut diyakini boleh membantu pihak sekolah mencegah berlakunya masalah ponteng.





Seterusnya, untuk memastikan tiada salah laku ponteng dalam kalangan murid, langkah-langkah berikut hendaklah dilakukan: Pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah perlu mengesan kadar ponteng sekolah dan ponteng kelas setiap bulan serta memastikan sekolah-sekolah mengambil langkah mengatasi masalah tersebut. Pihak sekolah hendaklah memastikan tindakan mengatasi masalah ponteng dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan berterusan. Segala panduan yang terdapat dalam buku panduan mengatasi masalah ponteng perlu dilaksanakan sepenuhnya. Pihak sekolah juga hendaklah merealisasikan konsep sekolah penyayang di mana murid-murid berhak disayangi, dikasihi, dipedulikan, dan dibimbing. Dengan ini, murid akan tertarik, terpenggil, dan terdorong untuk hadir ke sekolah. Untuk memastikan program *Briged Komuniti* dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya, ia perlu dilaksanakan di peringkat negeri, bahagian/daerah, dan sekolah. Jawatankuasa disiplin sekolah atau lembaga tata tertib hendaklah sentiasa proaktif dengan merangka program dan aktiviti yang mampu mencegah salah laku ponteng sejak awal lagi, terutamanya sebelum sesi persekolahan bermula (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1994).

Walau bagaimanapun, terdapat cadangan mengenai cara mengatasi masalah ponteng, namun ia sering berakhir di meja perbincangan, forum, atau seminar sahaja. Memang ada program yang dirangka untuk murid, tetapi ia hanya memberi manfaat kepada segelintir mereka dan lebih bersifat komersial. Ibu bapa, guru-guru, dan masyarakat perlu berganding bahu dan bekerjasama dalam memikul tanggungjawab mendidik anak-anak dan murid-murid sekolah. Sebagai sebuah masyarakat mikro, sekolah dan pengamal kaunseling sepatutnya mempunyai ciri-ciri yang wujud dalam masyarakat makro. Oleh itu, adalah wajar supaya murid didedahkan kepada kesan





buruk gejala ponteng berdasarkan modul yang kukuh berasaskan teori dalam membantu masyarakat melalui interaksi mereka di sekolah. Kalam et al. (2016) menyatakan bahawa kerajaan juga perlu melancarkan satu kempen yang menyeluruh untuk menyedarkan remaja dan murid supaya menghindari diri daripada sebarang bentuk gejala buruk yang boleh merosakkan diri dan nama baik keluarga mereka. Golongan ini juga perlu didedahkan dengan pengetahuan undang-undang agar mereka berasa takut terhadap hukuman yang bakal diterima.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan satu surat pekeliling ikhtisas Bil. 6/1995 dengan nombor rujukan KP(BS)8591/Jld.VIII/(9) berkaitan masalah ponteng di sekolah. Surat tersebut mengarahkan semua pihak terlibat, seperti Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah, pihak sekolah termasuk guru dan guru disiplin (atau lembaga tata tertib atau jawatankuasa disiplin), untuk menjalankan pemantauan yang ketat. Mengikut surat pekeliling tersebut, satu buku panduan juga telah diberikan kepada pihak sekolah sejak tahun 1995 untuk membantu mereka menangani masalah ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Berdasarkan pekeliling KP5209/35(4), unit bimbingan dan kaunseling di sekolah memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan (Aida et al., 2018). Menurut Aida et al. (2018), kaunselor juga perlu membantu pihak sekolah menangani masalah disiplin murid yang semakin berleluasa, termasuk masalah ponteng sekolah. Hal ini kerana kaunselor mempunyai keupayaan dan kecekapan yang tinggi untuk mengendalikan dan membantu murid yang bermasalah supaya mereka dapat berubah sikap menjadi lebih baik. Dengan sokongan dan kemudahan yang mencukupi, peranan unit bimbingan dan kaunseling di sekolah mungkin boleh





diperkuatkan lagi dan dapat membantu pihak sekolah membuat keputusan yang baik mengikut kes dan punca masalah masing-masing. Roslan et al. (2021) turut menyatakan hal yang serupa. Mereka menegaskan bahawa pihak sekolah, bersama unit bimbingan dan kaunseling, perlu memainkan peranan dan bekerjasama melaksanakan langkah-langkah menangani masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid.

Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji menguji kesan modul bimbingan kelompok Teori Pilihan Terapi Realiti atau lebih dikenali sebagai *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid yang ponteng sekolah. Ini merupakan satu usaha yang boleh dijadikan panduan kukuh oleh semua pihak untuk mengatasi salah laku ponteng sekolah dalam kalangan murid di Malaysia.

Kajian ini bertujuan membantu serta menyediakan penambahbaikan dan pilihan kepada pengamal kaunseling, selain daripada penggunaan buku panduan bagi mengatasi masalah ponteng sekolah pada tahun 1994, surat pekeliling ikhtisas bil. 6/1995 yang menangani masalah ponteng sekolah, dan modul program pembangunan sahsiah diri murid (PPSDM) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018).

1.2 Pernyataan masalah

Isu disiplin yang semakin mendapat perhatian kini ialah ketidakhadiran ke sekolah (Kearney, 2008). Ketidakhadiran ke sekolah, baik pada murid sekolah rendah mahupun menengah, dianggap sebagai ponteng sekolah yang tidak wajar dan menjadi masalah serius dalam sistem pendidikan global (Havik & Ertesvg, 2019). Ponteng





sekolah dikaitkan dengan pelbagai isu, seperti masalah kesihatan mental, kehidupan berisiko tinggi, pengalaman buli, masalah pembelajaran, isolasi sosial, hubungan yang negatif dengan guru, dan persekitaran sekolah yang tidak kondusif (Havik & Ertesvg, 2019).

Masalah ini semakin serius dalam kalangan murid sekolah menengah (Mohamad Amin et al., 2019). Jika tidak ditangani dengan baik, masalah ponteng sekolah dapat menyebabkan masalah disiplin yang lebih serius lagi. Murid yang tidak hadir dapat menyalahgunakan kebebasan mereka dan terlibat dengan kumpulan-kumpulan negatif seperti geng motosikal liar. Terlibat dalam kumpulan-kumpulan ini dapat mengakibatkan tingkah laku mencuri dan perlumbaan haram. Oleh itu, adalah penting untuk segera menangani masalah ini agar implementasi program pendidikan nasional tidak terganggu (Muhammad Najib et al., 2023).

Gubbels et al. (2019) dan Musta'in dan Handrianto (2020) menyatakan bahawa peranan guru, rakan sebaya, dan ibu bapa mempunyai impak dan sumbangan terhadap kadar ponteng murid di sekolah. Malah, faktor-faktor seperti infrastruktur sekolah, pengurusan sekolah, dan persekitaran sekolah turut memberi sumbangan kepada fenomena ponteng sekolah (Gubbels et al., 2019; Musta'in & Handrianto, 2020).

Ponteng sekolah perlu ditangani dengan segera kerana ia boleh mempengaruhi tingkah laku murid lain yang mungkin mengikuti contoh yang sama. Di Malaysia, masalah ini telah wujud dalam pembangunan pendidikan untuk masa yang lama dan terus memburuk dari masa ke semasa (Mohamad Amin et al., 2019). Laporan tentang murid yang ponteng kelas semasa proses pembelajaran menggambarkan berita yang



tidak menggembirakan, terutamanya bagi generasi muda Malaysia yang diharapkan menjadi pendorong pembangunan negara (Min, Brahim, & Ramley, 2022).

Berdasarkan laporan bengkel pengurusan disiplin serta sahsiah murid berkeperluan khas dan murid inklusif pada 17 hingga 19 April 2017 di Ancasa Hotel dan Spa Kuala Lumpur oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyatakan bahawa pada tahun 2016, jumlah murid sekolah rendah yang melakukan salah laku disiplin ponteng ialah seramai 5324 orang murid dan jumlah murid sekolah menengah yang melakukan salah laku disiplin ponteng ialah seramai 25434 orang murid Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Data ini menunjukkan jumlah salah laku yang begitu besar berbanding salah laku jenayah, buli, merokok, lucah, kurang sopan, tingkah laku musnah, kenakalan, tidak pentingkan masa dan kesejahteraan diri Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian: Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Oleh itu, salah laku ponteng sekolah harus di atasi dengan segera dengan menggunakan pendekatan yang lebih holistik dan profesional serta berstruktur dalam menangani permasalahan tersebut. Jadual menunjukkan data salah laku ponteng sekolah pada 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Jadual 1.1

Data Salah Laku Ponteng Sekolah Tahun 2016 hingga 2018

Tahun	Salah laku (SR/SM)	Jumlah
2016	Ponteng Sekolah	30758
2017	Ponteng Sekolah	67053
2018	Ponteng Sekolah	126189

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2018)

Jadual 1.2

Data Analisis Jumlah Murid Tingkatan 5 Tidak Hadir Lebih 25 Hari Mengikut Negeri Dari Mac Hingga September 2023

Negeri	Jumlah	Peratus
Selangor	13087	20.19%
Kedah	4511	18.09%
Perlis	520	17.62%
Sabah	5438	15.63%
W.P Kuala Lumpur	2331	14.94%
Terengganu	2369	14.28%
Pahang	2426	14.23%
Kelantan	2702	13.69%
Melaka	1483	13.36%
Negeri Sembilan	1744	12.54%
Pulau Pinang	2119	12.49%
Perak	3326	12.11%
Johor	4862	11.62%
W.P Labuan	123	11.33%
Sarawak	3427	10.33%
W.P Putrajaya	132	7.18%

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2023).

Jadual 1.3

Peratus Kategori Tiada sebab: Sebab-sebab ketidakhadiran murid tingkatan 5 Mengikut Negeri Dari Mac Hingga September 2023

Negeri	Jumlah	Peratus
Sabah	361637	77.15%
Kedah	279135	76.52%
Kelantan	167985	70.17%
Terengganu	143119	69.86%
Perlis	29695	69.57%
Pulau Pinang	131551	67.07%
Melaka	91873	66.64%
Johor	308036	66.41%
Pahang	138699	66.39%
Selangor	711522	65.06%
Perak	195234	63.77%
Negeri Sembilan	101956	63.22%
W.P Labuan	7684	60.93%
W.P Kuala Lumpur	124045	58.73%
Sarawak	157707	48.45%
W.P Putrajaya	2521	14.47%

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2023).

Jadual 1.4

Data Pengesanan Murid Dibuang Sekolah (Tindakan Disiplin) Mengikut Pecahan Setiap Negeri Dari Mac Hingga September 2023

Negeri	Jumlah	Peratus
Johor	399	19.98%
Kedah	527	26.43%
Kelantan	105	5.29%
Melaka	1	0.05%
Negeri Sembilan	159	8.04%
Pahang	323	16.17%
Perak	298	14.92%
Perlis	77	3.85%
Pulau Pinang	253	12.7%
Sabah	397	19.79%
Sarawak	103	5.15%
Selangor	895	45.05%
Terengganu	232	11.68%
W.P Kuala Lumpur	216	10.79%
W.P Labuan	2	0.1%

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2023).

Walaupun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, perbuatan salah laku murid tetap berlaku dan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Antara masalah yang ketara ialah tingkah laku devian dan delinkuen dalam kalangan remaja. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), seperti yang dilaporkan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, terdapat sepuluh jenis salah laku disiplin dalam kalangan murid menengah dan rendah. Salah laku tersebut termasuk yang berunsur jenayah, kelucahan, kekemasan diri, ketidaktepatan



masa, kurang sopan, tingkah laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli, dan menghisap rokok. Data statistik menunjukkan bahawa gejala ponteng sekolah (16.18%) melibatkan 17,343 orang murid merupakan tingkah laku delinkuen tertinggi, diikuti dengan perlakuan kurang sopan (14.37%) yang melibatkan 15,407 orang murid, dan tingkah laku berunsur jenayah (13.36%) yang melibatkan 14,321 orang murid.

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), masalah tingkah laku disiplin murid sendiri, selain daripada pengaruh laman sosial dan internet, menyebabkan murid ponteng sekolah. Pakar Psikologi kanak-kanak, Professor Madya Dr. Mariani Mohd Nor, dalam kenyataan media Astro Awani pada 22 Mac 2018, turut menyatakan bahawa pengaruh laman sosial dan internet memainkan peranan dalam masalah ini. Selain itu, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, dalam penggulungan perbahasan menjunjung kasih titah diraja di Dewan Rakyat pada tahun 2017, menyatakan bahawa ponteng sekolah mencatatkan rekod tertinggi dalam salah laku disiplin murid sekolah sepanjang tahun tersebut, meliputi 1.4% atau 67,053 murid dari hampir lima juta murid sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Elemen yang dikenalpasti sebagai sekolah '*Hot Spot*' adalah kawasan panas yang mempunyai potensi berlakunya salah laku disiplin yang tinggi. Oleh itu, kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), serta pengurusan sekolah sangat diperlukan untuk berbincang dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menangani masalah ini.

Selain itu, di dalam Bengkel Pemantapan Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Hal Ehwal Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Pembangunan Sahsiyah Murid





yang di sampaikan oleh Tuan Haji Ab. Rahim Bin Othman selaku Ketua Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Kaunseling dan Disiplin di Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) menyatakan salah laku disiplin ponteng sekolah di sekolah rendah adalah sebanyak 16915 orang murid dan salah laku disiplin ponteng sekolah di sekolah menengah adalah sebanyak 109274 orang murid menjadikan jumlah keseluruhan murid ponteng sekolah rendah dan menengah pada tahun 2018 adalah sebanyak 126,189 kes. Oleh itu, peningkatan data salah laku ponteng sekolah meningkat sebanyak 36295 dari tahun 2016 hingga 2017 dan 59136 dari tahun 2017 hingga 2018. Jadi, salah laku disiplin ponteng sekolah adalah yang tertinggi berbanding salah laku disiplin yang lain seperti jenayah, buli, merokok, lucah, kurang sopan, tingkah laku musnah, kenakalan, tidak pentingkan masa dan kesejahteraan diri. Maka, melalui buku panduan bagi mengatasi masalah ponteng sekolah pada tahun 1994 dan surat pekeliling ikhtisas Bil. 6/1995, Kementerian Pendidikan Malaysia (2004) serta modul program pembangunan sahsiah diri murid (PPSDM) melalui surat KPM.600-14/1/S9 JLD.10(46) bertarikh 30 April 2018, menyatakan bahawa tujuan PPSDM adalah untuk memberi kesedaran kepada murid-murid yang melakukan kesalahan disiplin dan terlibat dengan gejala dadah agar mereka dapat membuat perubahan sikap dan tingkah laku bagi membangunkan potensi diri secara menyeluruh. Fokus PPSDM adalah menangani lima salah laku kategori berat iaitu salah laku berunsur jenayah, kelucahan, tingkah laku musnah, ponteng sekolah, dan buli, serta memberi tumpuan kepada penglibatan murid dengan gejala dadah.

Menurut laporan tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 pada tahun 2018 oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) dalam





Bab 4, yang membincangkan tentang Membangunkan Nilai dan Sahsiah Murid serta Memperkukuhkan Perpaduan, pelaksanaan kajian penilaian impak program intervensi salah laku disiplin murid di sekolah menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan pelbagai program pembangunan sahsiah. Selain daripada PPSDM, terdapat banyak lagi program ke arah pembangunan nilai dan sahsiah murid seperti SUMUR, Pendekatan Sekolah Penyayang dan Amalan Guru Penyayang, Kelab Pencegahan Jenayah, Program Ops Ponteng, Pegawai Perhubungan Sekolah dengan PDRM, Program Pencegahan dan Menangani Gejala Sosial, serta Program Pencegahan Dadah. Program-program ini dianjurkan oleh Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), dan pihak sekolah sendiri dengan kerjasama ibu bapa, komuniti seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), universiti, serta pihak NGO. Inisiatif yang dijalankan pada tahun 2018 adalah untuk memperkukuhkan PPSDM supaya lebih berfokus dalam menangani murid yang terlibat dalam kes salah laku berat secara khusus.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan kajian melibatkan 80 buah sekolah rendah dan menengah. Kajian ini melibatkan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM), guru, murid, ibu bapa, serta Pegawai Pendidikan Daerah. Respon daripada guru, ibu bapa, dan GPK HEM menunjukkan bahawa Program Pegawai Perhubungan Sekolah dan Program Pendekatan Sekolah Penyayang serta Amalan Guru Penyayang memberi impak paling besar. Sebaliknya, murid-murid menunjukkan bahawa hanya Program Pegawai Perhubungan Sekolah yang memberikan impak tinggi, sementara program-program intervensi disiplin lain





seperti Program Sekolah Penyayang dan Program Ops Ponteng memberikan impak yang sederhana. Kajian ini menyimpulkan bahawa murid lebih cenderung untuk menyertai program yang mereka anggap bermanfaat. Oleh itu, Kementerian dan pihak sekolah disarankan untuk merancang program intervensi disiplin yang lebih menarik dan bermanfaat bagi murid. Ini adalah penting untuk menangani masalah disiplin yang kerap berlaku seperti ketidaktepatan masa, ponteng, dan buli.

Justeru itu, dalam konteks kajian ini, pengkaji menyatakan betapa pentingnya kajian dilakukan mengenai intervensi menangani ponteng sekolah menggunakan pendekatan modul serta teori secara berstruktur. Kajian ini menilai kesan modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid yang ponteng sekolah, melalui bimbingan kelompok besar dan kecil. Pendekatan ini adalah satu usaha yang berstruktur dan profesional yang boleh dijadikan panduan kukuh oleh semua pihak untuk mengatasi salah laku ponteng sekolah dalam kalangan murid di Malaysia. Ia juga berfungsi sebagai penambahbaikan dan pilihan tambahan bagi pengamal kaunseling selain daripada penggunaan buku panduan bagi mengatasi masalah ponteng sekolah pada tahun 1994, surat pekeliling ikhtisas bil. 6/1995, dan modul Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Kepelbagaian intervensi ini perlu dilaksanakan segera kerana salah laku ponteng sekolah semakin meningkat dari tahun 2016 hingga 2018. Keperluan asas dan tingkah laku murid sekolah perlu dipenuhi dan dipertingkatkan melalui *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) kerana teori ini melihat permasalahan manusia dari perspektif dalaman diri. Kesimpulannya, penggunaan modul CTRT adalah sesuai untuk kajian ini dalam usaha



mempelbagaikan intervensi untuk membantu mengatasi masalah salah laku disiplin ponteng sekolah.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menguji kesan modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada tujuan kajian di atas maka objektif kajian ini adalah untuk mengukur kesan MBKCTRT terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah berdasarkan perbezaan:

1. Ujian pra dan ujian pasca tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
2. Ujian pra dan ujian pasca sub konstruk tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan, keseronokan dan masalah, kefungisian serta kepuasan.
3. Ukuran ujian pra dan ujian pasca tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan jenis kelompok.
4. Ukuran ujian pra dan ujian pasca sub konstruk tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan dan keseronokan serta masalah, kefungisian dan kepuasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan jenis kelompok.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian di atas, maka beberapa persoalan kajian telah dibina untuk di jawab.

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra dan ujian pasca tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ujian pra dan ujian pasca sub konstruk tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan, keseronokan serta sub konstruk tingkah laku masalah, kefungsiiaan dan kepuasan.
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ukuran ujian pra dan ujian pasca tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan jenis kelompok?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan ukuran ujian pra dan ujian pasca sub konstruk tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan dan keseronokan serta sub konstruk tingkah laku masalah, kefungsiiaan dan kepuasan antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berdasarkan jenis kelompok?

1.6 Hipotesis Kajian

1. Terdapat perbezaan ukuran ujian pra dan ujian pasca tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
2. Terdapat perbezaan ukuran ujian pra dan ujian pasca sub konstruk tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan, keseronokan serta masalah, kefungsiiaan dan kepuasan.
3. Terdapat perbezaan kesan MBKCTRRT terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah berdasarkan ujian pra dan ujian pasca kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan mengikut jenis kelompok.
4. Terdapat perbezaan kesan MBKCTRRT terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng ujian pra dan ujian pasca berdasarkan sub konstruk iaitu kelangsungan hidup, kepunyaan, kuasa, kebebasan dan keseronokan serta masalah, kefungsiiaan dan kepuasan mengikut jenis kelompok.



1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini terletak pada sumbangannya kepada pengetahuan baru, baik dalam konteks teori mahupun praktis. Bahagian ini membincangkan sumbangan kajian dari segi teori, termasuk pengetahuan baru. Selain itu, kepentingan praktis kajian ini meliputi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, pengamal bimbingan dan kaunseling, pengamal *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT), bimbingan kelompok, serta kepelbagaian intervensi dalam menangani masalah disiplin murid. pentingnya kajian dilakukan mengenai intervensi menangani ponteng sekolah menggunakan pendekatan modul serta teori secara berstruktur. Kajian ini menilai kesan modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid yang ponteng sekolah, melalui bimbingan kelompok besar dan kecil. Pendekatan ini adalah satu usaha yang berstruktur dan profesional yang boleh dijadikan panduan kukuh oleh semua pihak untuk mengatasi salah laku ponteng sekolah dalam kalangan murid di Malaysia. Ia juga berfungsi sebagai penambahbaikan dan pilihan tambahan bagi pengamal kaunseling selain daripada penggunaan buku panduan bagi mengatasi masalah ponteng sekolah pada tahun 1994, surat pekeliling ikhtisas bil. 6/1995, dan modul Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (PPSDM) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). Kajian ini juga diharap dapat menyediakan panduan yang berguna bagi Kementerian Pendidikan dalam merangka polisi dan program intervensi yang lebih efektif.





1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membuat pilihan intervensi dalam membantu menangani salah laku disiplin ponteng dalam kalangan murid di sekolah. Kajian ini juga di harapkan dapat menjelaskan secara deskriptif dan inferensi fenomena salah laku disiplin murid ponteng supaya permasalahan ini dapat di atasi segera supaya murid dapat mencapai perubahan dan memberi sumbangan yang positif kepada diri, masyarakat dan negara.

1.7.2 Pengamal Bimbingan dan Kaunseling

Hasil kajian ini juga boleh membantu guru bimbingan dan kaunseling dan pilihan kepada pengamal kaunseling di sekolah dalam mempelbagaikan intervensi menangani salah laku disiplin ponteng. Kajian ini akan membantu Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPSK), Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai penggubal dasar dan modul di sekolah sebagai perancang serta pelaksana dasar untuk menilai kembali modul salah laku disiplin yang sedia ada.

Kursus Bimbingan dan Kaunseling mula di terapkan ke dalam kursus anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 70an dan 80an. Pada tahun 90an telah timbul perubahan ke arah perkhidmatan kaunseling dalam masyarakat Malaysia secara keseluruhan Othman (2005). Kajian ini mempunyai kepentingan kepada GBK di sekolah menengah dapat memberi perkhidmatan bimbingan secara kelompok. Dalam menjalankan peranan sebagai GBK, perkembangan dan pembangunan sahsiah diri murid perlulah di beri keutamaan. Kajian ini di harapkan membantu pengkaji





bidang bimbingan dan kaunseling dalam melahirkan murid yang seimbang dari jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

1.7.3 Pengamal *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT)

Hasil kajian di harap dapat mengukuhkan peranan GBK dalam CTRT dengan memahami dan menggunakan teori tersebut. GBK boleh membuktikan keberkesanan teori tersebut Neukrug (2002) kerana kajian yang melibatkan implikasi dan kesesuaian teori masih kurang di Malaysia seperti yang di nyatakan oleh Suradi Salim (2005). Kajian ini memberi ruang kepada GBK untuk memperlihatkan peranan dan keupayaan mereka. Kegagalan GBK menggunakan CTRT melihat kelemahan GBK dalam menguasai teori kaunseling (Abdul Halim, Md Shuib & Sapora, 2002).

1.7.4 Bimbingan Kelompok

Mahzam (2013) menjelaskan terdapat beberapa kajian yang melihat kesan bimbingan kelompok dalam bentuk eksperimen lebih berfokus kepada sikap, persepsi terhadap perkhidmatan kaunseling, sikap terhadap GBK. Pelaksanaan kajian ini memperlihatkan kepentingan pendekatan bimbingan berasaskan teori. Pendekatan bimbingan berasaskan teori dapat membantu insan yang bermasalah bergerak ke arah pertumbuhan serta perkembangan diri. Ini akan menambahkan kajian dalam bidang bimbingan dan kaunseling. Kajian akan dapat menjadi rujukan bagi pembinaan modul kursus untuk perkembangan dan pembangunan sahsiah diri murid pelbagai jenis dan





latar belakang sekolah di seluruh negara. Dapatan kajian ini di harapkan membantu menyediakan modul bimbingan kelompok CTRT untuk membantu salah laku disiplin ponteng sekolah dalam kalangan murid di seluruh Malaysia.

1.7.5 Kepelbagaian Intervensi

Kajian ini membantu menghasilkan modul yang lebih berstruktur. Modul ini yang menggunakan pendekatan bimbingan kelompok dalam aktiviti-aktiviti sub modul dengan menggunakan pendekatan CTRT. Ini dapat membantu meningkatkan disiplin diri murid. Kajian ini selari dengan pandangan bahawa modul kelompok berstruktur adalah kaedah pengawasan untuk di ikuti oleh peserta (Corey, 2016). Kepelbagaian intervensi ini perlu dilaksanakan segera kerana salah laku ponteng sekolah semakin meningkat dari tahun 2016 hingga 2018. Keperluan asas dan tingkah laku murid sekolah perlu dipenuhi dan dipertingkatkan melalui *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) kerana teori ini melihat permasalahan manusia dari perspektif dalaman diri.

Modul yang hendak di bina memberi impak yang sungguh menggalakkan kepada murid mengikutinya (Jamaludin, 2015). MBKCTRT ini berbentuk komprehensif mengambil kira pendekatan kaunseling dan psikologi secara sistematik berpandukan modul-modul yang teruji sebelum ini. Kajian ini akan membantu pengkaji-pengkaji akan datang membuat kajian lanjutan. Memandangkan kajian modul menggunakan teori berkaitan salah laku disiplin murid amat kurang di laksanakan di negara kita.





Selain itu, modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) ini perlu di laksanakan terhadap murid sekolah menengah di Malaysia. Pendekatan kaedah ini dalam bimbingan kelompok ialah satu pendekatan baharu dan jarang di laksanakan sama ada di luar negara mahupun di Malaysia sendiri (Jamaludin, 2015). Bagi memastikan kajian terhadap modul bimbingan kelompok (CTRT) ini dapat di jalankan dengan lancar, penglibatan kaunselor sekolah sangat penting. Pendekatan modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) ini dalam menangani salah laku ponteng sekolah dalam kalangan murid sekolah menengah ini di harapkan dapat membendung masalah salah laku ponteng di sekolah. Dalam hal ini peranan para kaunselor sekolah dalam mempraktikkan modul bimbingan kelompok CTRT kepada murid amat penting. Pemahaman kaunselor itu sendiri dalam memastikan murid dapat di pulihkan dalam tempoh yang di anggarkan adalah amat penting. Oleh itu, tugas kaunselor akan lebih mudah dengan adanya kerjasama daripada pihak guru disiplin dan juga pengawas sekolah. Hal ini kerana, guru disiplin dan pengawas ialah golongan yang berurusan dengan murid yang mempunyai salah laku disiplin dan mereka mempunyai rekod disiplin setiap murid yang terlibat.

Selain itu, kesan daripada kajian mengenai keberkesanan modul ini terhadap salah laku ponteng sekolah pihak yang terlibat dengan bidang bimbingan dan kaunseling akan dapat memberi inspirasi yang lebih kreatif dan kritis dalam menangani salah laku disiplin murid. Modul ini juga nanti dapat memberi sumbangan dan pilihan intervensi serta pengamal kepada bimbingan dan kaunseling untuk menjana idea baru bagi meningkatkan kualiti modul pada masa akan datang. Modul intervensi ini berfokus dan mengikut acuan dalam konteks permasalahan salah laku





murid tempatan. Modul ini juga nanti secara tidak langsung memberi sumbangan kepada unit bimbingan dan kaunseling dapat melihat punca permasalahan murid melakukan salah laku ponteng menerusi *basic needs* (keperluan asas) dan tingkah laku murid tersebut. Ia akan mewujudkan alternatif lebih sesuai dan mesra dalam mengenalpasti masalah murid dan seterusnya dapat melakukan intervensi untuk menangani permasalahan itu.

Akhirnya, hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada mana-mana pihak yang merasakan bahawa modul berteraskan bimbingan kelompok berasaskan *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) mampu membendung salah laku ponteng sekolah dalam kalangan murid. Hasil kajian ini juga dapat membantu dari segi melihat kesan modul bimbingan yang komprehensif dalam usaha menangani salah laku ponteng sekolah dan secara tidak langsung dapat membantu pihak kerajaan seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menangani salah laku disiplin ponteng sekolah yang semakin membimbangkan kini.

1.8 Definisi Kajian

Definisi kajian merupakan definisi yang menjadi bahan rujukan dan panduan dalam menentukan perjalanan kajian. Penyelidik mengambil kira definisi utama yang akan menjadi garis panduan iaitu definisi *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT), kesan bimbingan kelompok CTRT, modul CTRT, tingkah laku, dan keperluan asas.





1.8.1 *Choice Theory Reality Therapy (CTRT)*

Teori pilihan atau *Choice Theory Reality Therapy (CTRT)* membincangkan bagaimana seseorang individu itu bertingkah laku dan mengapa mereka bertingkah laku. Teori pilihan di perkenalkan kerana Glasser (2000) melihat hampir kesemua permasalahan yang di hadapi oleh manusia adalah berpunca dari keperluan asas (*basic needs*) yang tidak di penuhi. Semua tingkah laku manusia di pandu oleh keperluan asas atau *basic needs*. Secara umumnya, *basic needs* individu adalah terangkum dari aspek fisiologi dan psikologi. Fisiologi pula adalah meliputi keperluan survival yang menerangkan aspek keinginan biologi individu terhadap makanan, air, tempat berlindung dan seks manakala manusia juga berusaha untuk memuaskan empat aspek keperluan psikologi iaitu *Power* (kuasa), *Belonging* (kepunyaan), *Freedom* (Kebebasan), dan *Fun* (Kegembiraan).



Menurut Glasser (1999) secara umumnya, setiap individu memerlukan semua *basic needs*. Sejak di awal kelahiran lagi, keperluan untuk kelangsungan hidup (*survival*) pada hari pertama di lahirkan telah menunjukkan bahawa setiap manusia perlu untuk mengambil risiko dan berani menghadapi cabaran bagi menjalani hidup yang akan datang. Dalam meneruskan hidup, semua keperluan lain tetap akan terus cuba di penuhi bagi mengelakkan berlakunya masalah yang dapat mengganggu proses perkembangan individu terbabit.

Keperluan untuk di sayangi dan menyayangi pula akan membawa individu untuk sentiasa prihatin kepada individu lain di sekeliling dan juga bagi mendapatkan





hubungan yang di ingini dari individu yang signifikan dalam hidup seperti ahli keluarga, pasangan, rakan-rakan dan sebagainya (Glasser, 1999).

Keperluan lain yang turut menjadi perhatian ialah setiap individu memerlukan kuasa atau pencapaian yang membawa mereka ke arah kejayaan, kemahiran, kecekapan mempengaruhi, penghargaan sendiri, dihargai, konsep sendiri yang positif, dan kemampuan bersaing dengan orang lain. Keperluan untuk mendapatkan kebebasan juga penting dalam diri setiap individu. Kebebasan di sini merujuk kepada keinginan individu untuk memilih apa yang terbaik untuk dirinya. Dengan kebebasan, individu cenderung membuat keputusan tentang apa yang mereka inginkan dalam hidup. Keseronokan pula adalah keperluan psikologi yang diinginkan oleh individu untuk bermain, berehat, ketawa, gembira, dan beraktiviti rekreasi (Glasser, 1986).



Masalah timbul apabila individu tidak dapat memenuhi keinginan mereka. Menurut Glasser (1999), konflik berlaku apabila apa yang individu inginkan (Dunia Berkualiti) tidak sama dengan apa yang mereka dapat (Dunia Yang Dirasa). Ini akan menghasilkan keseronokan (*Pleasure*) atau kesakitan (*Pain*) melalui skala perbandingan (Tempat Membanding). Situasi ini mempengaruhi tingkah laku keseluruhan (*Total Behaviour*) yang merangkumi aspek tingkah laku, pemikiran, perasaan, dan fisiologi individu.

Keseluruhan tingkah laku (*Total Behaviour*) menyumbang kepada identiti berjaya atau identiti gagal. Personaliti gagal terbentuk apabila individu gagal memenuhi prinsip keperluan asas mereka secara bertanggungjawab. Personaliti gagal biasanya kecewa dengan kehidupan dan sering menafikan kegagalan mereka untuk





mengurangkan kesakitan yang dirasakan. Akibat kekecewaan dan putus asa, mereka cenderung memilih simptom negatif dan akhirnya mengalami tingkah laku yang tidak efektif. Individu yang gagal ini akan melarikan diri dari tanggungjawab setelah emosi dan pemikiran mereka terganggu (Glasser, 1965).

Menurut Glasser (1999), prosedur untuk perubahan adalah berdasarkan andaian bahawa manusia termotivasi untuk berubah apabila mereka yakin bahawa tingkah laku semasa tidak dapat membantu mereka mencapai apa yang diinginkan. Mereka percaya bahawa mereka boleh memilih tingkah laku lain yang lebih mendekati mereka kepada apa yang diinginkan.

Ponteng sekolah merupakan satu isu disiplin yang sering berlaku dalam kalangan murid dan memberi impak negatif terhadap prestasi akademik serta perkembangan sosial mereka. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan Teori Pilihan dan Terapi Realiti sebagai pendekatan dalam memahami dan menangani tingkah laku ponteng sekolah. Teori Pilihan yang diasaskan oleh William Glasser menekankan bahawa individu bertindak berdasarkan pilihan mereka untuk memenuhi keperluan asas psikologi. Terapi Realiti pula digunakan untuk membantu individu mengenali pilihan mereka dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang diambil. Kajian ini membincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada ponteng sekolah serta bagaimana intervensi berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti dapat membantu mengurangkan masalah ini dalam kalangan murid.

Ponteng sekolah merupakan satu isu serius dalam sistem pendidikan yang boleh menjejaskan pencapaian akademik serta pembentukan sahsiah murid. Faktor-





faktor seperti tekanan akademik, pengaruh rakan sebaya, dan masalah keluarga sering dikaitkan dengan tingkah laku ini. Oleh itu, pendekatan psikologi yang berkesan diperlukan bagi membantu murid memahami implikasi tindakan mereka dan membuat pilihan yang lebih bertanggungjawab. Dalam konteks ini, Teori Pilihan dan Terapi Realiti menawarkan satu perspektif yang dapat membantu menangani permasalahan ini secara lebih efektif.

Teori Pilihan yang diperkenalkan oleh William Glasser menyatakan bahawa semua tingkah laku manusia adalah berasaskan kepada lima keperluan asas, iaitu: Keperluan untuk bertahan (*survival*), Keperluan untuk memiliki dan disayangi (*love and belonging*), Keperluan untuk kuasa dan pengiktirafan (*power*), Keperluan untuk kebebasan (*freedom*), Keperluan untuk keseronokan (*fun*).



Menurut Glasser, tingkah laku ponteng sekolah mungkin berlaku apabila keperluan psikologi murid tidak dipenuhi, seperti kurangnya rasa dimiliki dalam persekitaran sekolah atau tekanan akademik yang tinggi. Terapi Realiti pula menekankan kepentingan bertanggungjawab terhadap pilihan sendiri. Melalui pendekatan ini, guru bimbingan dan kaunseling membantu murid mengenali sebab sebenar mereka ponteng sekolah, menilai pilihan yang ada, dan menetapkan matlamat yang lebih positif bagi mengubah tingkah laku mereka.

Beberapa faktor utama yang menyebabkan murid ponteng sekolah termasuk: Faktor individu: Kurang motivasi, kebosanan, dan masalah emosi seperti kemurungan atau kebimbangan. Faktor keluarga: Kurangnya perhatian daripada ibu bapa, konflik keluarga, dan masalah ekonomi. Faktor sekolah: Hubungan yang lemah antara murid





dan guru, kaedah pengajaran yang tidak menarik, serta tekanan akademik yang berlebihan. Faktor sosial: Pengaruh rakan sebaya dan penglibatan dalam aktiviti luar sekolah yang tidak terkawal.

Intervensi berasaskan Teori Pilihan dan Terapi Realiti boleh digunakan untuk membantu murid yang kerap ponteng sekolah melalui: Mengenal pasti keperluan psikologi – Membantu murid memahami keperluan asas mereka dan bagaimana mereka boleh memenuhinya secara positif di sekolah.

Membantu murid mengenali pilihan mereka – Memberikan kesedaran bahawa ponteng sekolah adalah satu pilihan dan terdapat alternatif lain yang lebih baik. Membangunkan perancangan tingkah laku positif – murid digalakkan untuk menetapkan matlamat yang realistik dan membina strategi bagi mencapai perubahan tingkah laku. Menguatkan hubungan antara guru dan murid – Guru berperanan sebagai pembimbing dalam menyediakan persekitaran sekolah yang lebih menyokong dan mesra.

Teori Pilihan dan Terapi Realiti menyediakan satu pendekatan yang berkesan dalam menangani masalah ponteng sekolah. Dengan memahami bahawa tingkah laku adalah hasil daripada pilihan individu, murid dapat dibantu untuk membuat keputusan yang lebih baik dan bertanggungjawab terhadap tindakan mereka. Selain itu, pendekatan ini juga dapat memperbaiki hubungan antara murid, guru, dan ibu bapa dalam usaha mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih positif dan kondusif.





Dalam konteks kajian ini, aplikasi *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) diterapkan melalui modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) yang dibina, dengan dua aplikasi bimbingan kelompok besar dan kecil. Kedua-dua kaedah rawatan MBKCTRT ini diharapkan dapat menghasilkan keputusan terbaik dalam menangani masalah salah laku ponteng sekolah. Selain itu, kajian ini juga mengambil kira sub-konstrak dalam *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) dan pengaplikasian teknik (WDEP) yang dilihat melalui sesi bimbingan yang dijalankan semasa kajian

1.8.2 Bimbingan Kelompok

Bimbingan merujuk kepada bantuan yang diberikan untuk membantu individu membuat keputusan ke arah mencapai matlamat yang diinginkan (Gladding, 2003).

Bimbingan yang ditawarkan kepada murid bertujuan untuk perkembangan atau pertumbuhan dalam aspek mental, sosial, intelek, fizikal, emosi, rohani, dan spiritual (Shertzer & Stone, 1981). Abdul Malek (2003) menegaskan bahawa bimbingan adalah proses membantu individu memahami persekitaran mereka agar mereka dapat menggunakan keupayaan dan bakat yang dimiliki dengan baik.

Bimbingan boleh dijalankan secara individu atau kelompok. Menurut Ida Hartina (2006), bimbingan kelompok sering dilaksanakan di sekolah untuk membantu proses membimbing murid. Perkhidmatan bimbingan berbeza daripada kaunseling kerana ia lebih menumpukan kepada penyebaran maklumat berbanding penerokaan mendalam.





Terdapat dua jenis bimbingan kelompok iaitu kelompok kecil dan kelompok besar. Menurut Myrick (1993), kelompok bimbingan kecil biasanya terdiri daripada 6 hingga 15 orang, manakala kelompok besar boleh melibatkan lebih dari 15 hingga 100 orang atau lebih, bergantung kepada bilangan fasilitator yang mengendalikannya.

Menurut Zuraidah (2010), kelompok bimbingan adalah aktiviti kumpulan yang bertujuan untuk menyediakan dan menyebarkan maklumat melalui aktiviti kumpulan yang dirancang. Gibson dan Mitchell (2003) menyatakan bahawa kelompok bimbingan bertujuan untuk pencegahan, perkembangan, atau pemulihan. Gazda (1978) menyokong kenyataan ini dengan menambah bahawa kelompok bimbingan memberi kesedaran dan kemahiran untuk mengelakkan pelbagai masalah di masa hadapan. Capuzzi dan Gross (2004) menggambarkan kelompok bimbingan dalam situasi kelas di mana ketua mengendalikan proses penyampaian maklumat atau memberikan pengalaman kepada ahli-ahli.

Gibson dan Mitchell (2003) menyatakan bahawa kelompok bimbingan telah menjadi fungsi profesional dalam program pembangunan personel. Menurut Capuzzi dan Gross (2004), kelompok bimbingan biasanya terdiri daripada 20 hingga 40 orang ahli. Jumlah ahli yang ramai ini boleh mengurangkan peluang untuk berinteraksi dan menyebabkan kaunselor kelompok kurang menekankan perkongsian emosi dalam kalangan ahli-ahli (Capuzzi & Gross, 2004).

Dalam kajian ini, bimbingan kelompok yang dilaksanakan berbentuk pencegahan dan perkembangan. Bimbingan ini bertujuan untuk meningkatkan tingkah laku dan memenuhi keperluan asas murid yang ponteng sekolah. Pendekatan yang





digunakan ialah modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT). Pendekatan CTRT ini menggunakan modul bimbingan yang berstruktur dan telah terbukti sangat berkesan dalam meningkatkan aspek psikologi. Teknik yang digunakan dalam modul ini termasuk *Want, Doing, Evaluate, Planning* (WDEP). Kesan bimbingan kelompok diukur melalui ujian pra dan ujian pasca.

1.8.3 Modul Bimbingan

Menurut Creager dan Murray (1985) modul adalah satu unit pengajaran yang lengkap dan bebas dengan fokus utamanya ialah untuk mencapai beberapa objektif yang telah dinyatakan. Menurut Rusell (1974) modul merupakan satu pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit konsep mata pelajaran. Modul adalah satu usaha untuk pengajaran secara individu dan membolehkan seseorang murid menguasai satu unit kandungan mata pelajaran sebelum bergerak ke unit yang lain.

Selain itu, menurut Husen dan Postlethwaite (1985) modul seolah-olah kelihatan seperti mewakili satu set pakej pengajaran yang lengkap meliputi satu unit konsep atau mata pelajaran. Menurut Kamdi Kamil (1991) modul sebagai satu pakej pengajaran dan pembelajaran atau pual belajar sendiri yang lengkap mengandungi komponen-komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, aktiviti penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik supaya murid-murid dapat mengikuti langkah demi langkah bagi menguasai sesuatu unit pembelajaran dan menjadikan pembelajaran boleh di jalankan secara individu.





Walau bagaimanapun, menurut Sharifah Alawiyah (1981) modul merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil yang lain. Modul juga ialah pakej yang lengkap dan membolehkan murid belajar sendiri. Semua kemahiran yang dikaitkan dengan tugas murid di gabungkan antara satu dengan yang lain dan membentuk satu rangkaian.

Oleh itu, di dalam kajian ini penyelidik akan membangunkan modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) berpandukan modul kaunseling kelompok (CTRT) yang telah di bina Ahmad Jazimin (2016) berdasarkan analisis dokumen terhadap buku-buku yang berkaitan dengan kaunseling dan bimbingan kelompok dan (CTRT). Berdasarkan kajian ini, terdapat 8 sub modul aktiviti kelompok telah di bina serta telah di ubah suai termasuk pra sesi dan sesi penilaian. Kajian kesahan modul ini akan mendapatkan kesahan pakar seramai 13 orang pakar dalam bidang bimbingan dan kaunseling, *Choice Theory dan Reality Therapy* (CTRT). Manakala, kajian kebolehpercayaan modul akan di jalankan oleh 5 orang guru bimbingan dan kaunseling ke atas peserta kajian bermasalah disiplin dalam kajian lepas.

1.8.4 Tingkah laku

Menurut Ahmad, A. (2013), Tingkah laku adalah kajian saintifik yang mempunyai kaitan proses mental dan perbuatan seseorang. Tingkah laku juga di sebut sebagai langkah, perangai, gerak geri, kelakuan atau perbuatan (Kamus Dewan, 2005).





Dalam kajian ini, tingkah laku subjek diukur dari dua aspek utama. Pertama, tingkah laku bermasalah dinilai menggunakan instrumen Skala Ohio (*Ohio Scales*) atau *Ohio Youth Problem, Functioning and Satisfaction Scale* oleh Ogles, Melendez, Davis, dan Lunnen (2000), yang mempunyai tiga subkonstruk iaitu masalah, kefungisian, dan kepuasan. Data pertama yang dikumpul adalah respon subjek terhadap instrumen Skala Ohio yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Data kedua adalah laporan dari pihak sekolah berkaitan dengan tingkah laku subjek, seperti yang dinyatakan dalam Lampiran F. Rekod sekolah yang diambil untuk kajian ini termasuk kadar kekerapan subjek melakukan salah laku seperti yang terdapat dalam Lampiran I.

Salah laku disiplin yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah perbuatan yang melanggar peraturan, seperti yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Untuk mengukur salah laku subjek, kekerapan subjek terlibat dalam kes disiplin digunakan, seperti yang dinyatakan dalam Lampiran F. Data ini diambil daripada rekod disiplin yang digunakan oleh pihak sekolah untuk menangani masalah disiplin, sesuai dengan garis panduan KPM. Maklumat mengenai salah laku diambil dari pihak sekolah bagi tahun 2016 hingga 2018. Rekod ini merupakan catatan guru, khususnya guru disiplin, mengenai segala salah laku murid di sekolah tersebut.

1.8.5 Keperluan asas

Menurut Glasser (1967), keperluan asas adalah dorongan yang sihat dalam diri setiap manusia, yang terdiri daripada dua tahap: fizikal dan psikologi. Keperluan fizikal





merangkumi asas-asas seperti makan, minum, dan tidur, serta keinginan untuk kelangsungan hidup. Keperluan psikologi pula terbahagi kepada empat bahagian. Pertama, rasa kepunyaan, yang merangkumi keperluan untuk penghargaan sendiri, dihargai, dan bersaing. Kedua, kebebasan, yang melibatkan keinginan untuk membuat pilihan dan keputusan. Ketiga, kekuasaan, iaitu dorongan untuk mencapai prestasi dan diakui. Akhirnya, keseronokan, yang meliputi keperluan untuk bermain, berehat, ketawa, dan menikmati kegembiraan. Dalam kajian ini, keperluan asas yang dirujuk meliputi kelangsungan hidup, kepunyaan, kekuasaan, kebebasan, dan keseronokan.

Dalam konteks Teori Pilihan dan Terapi Realiti yang diperkenalkan oleh William Glasser, tingkah laku ponteng sekolah dapat dijelaskan melalui keperluan asas psikologi yang mempengaruhi tindakan individu. Keperluan asas ini merangkumi keperluan untuk bertahan (*survival*), memiliki dan disayangi (*love and belonging*), kuasa dan pengiktirafan (*power*), kebebasan (*freedom*), serta keseronokan (*fun*).

Dalam kajian ini, definisi operasional bagi keperluan asas yang mendorong tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan murid adalah seperti berikut: Keperluan untuk Bertahan (*Survival*) Merujuk kepada keperluan asas fizikal dan emosi murid untuk berasa selamat dan sejahtera. Murid yang mengalami tekanan emosi, seperti masalah kewangan keluarga atau ketidakstabilan persekitaran rumah, mungkin melihat ponteng sekolah sebagai cara untuk mengelakkan tekanan atau memenuhi keperluan mendesak seperti bekerja membantu keluarga. Keperluan untuk Memiliki dan Disayangi (*Love and Belonging*) Keperluan ini merujuk kepada hubungan sosial dan keterikatan murid dengan guru, rakan sebaya, dan keluarga. Murid yang berasa tersisih atau tidak diterima dalam komuniti sekolah cenderung untuk mencari rasa





keterikatan di luar persekitaran sekolah, yang boleh menyebabkan tingkah laku ponteng sebagai usaha memenuhi keperluan ini. Keperluan untuk Kuasa dan Pengiktirafan (*Power*) Murid mempunyai keinginan untuk dihormati, dihargai, dan mempunyai kawalan terhadap kehidupan mereka. Jika mereka merasa tidak dihormati oleh guru atau tidak mendapat pengiktirafan akademik dan sosial, ponteng sekolah boleh menjadi satu bentuk protes atau cara untuk mendapatkan kawalan ke atas keputusan mereka sendiri. Keperluan untuk Kebebasan (*Freedom*) Keperluan ini merujuk kepada autonomi dan kebolehan untuk membuat pilihan sendiri. Murid yang merasakan sistem sekolah terlalu ketat, menekan, atau tidak memberi mereka ruang untuk menyuarakan pendapat, mungkin memilih untuk ponteng sebagai satu bentuk ekspresi kebebasan daripada peraturan yang mereka anggap membataskan. Keperluan untuk Keronokan (*Fun*) Murid yang mengalami kebosanan dalam kelas atau tidak berminat dengan sistem pembelajaran mungkin mencari alternatif yang lebih menyeronokkan di luar sekolah. Aktiviti yang lebih menarik di luar persekitaran akademik boleh menjadi pendorong utama kepada tingkah laku ponteng.

Melalui pemahaman terhadap keperluan asas ini, intervensi yang lebih berkesan boleh dirancang untuk membantu murid mengatasi masalah ponteng sekolah. Pendekatan Teori Pilihan dan Terapi Realiti dapat membimbing mereka untuk membuat pilihan yang lebih bertanggungjawab dan membina hubungan yang lebih positif dengan persekitaran sekolah.





1.8.6 Murid

Murid atau pelajar merujuk kepada individu yang menerima pelajaran, pengajaran, dan latihan di suatu tempat (JTM, 2010). Murid sekolah terdiri daripada mereka yang berumur antara 7 hingga 18 tahun. Murid sekolah rendah adalah mereka yang berumur antara 7 hingga 12 tahun, manakala murid sekolah menengah berumur antara 13 hingga 18 tahun. Menurut ahli psikologi, kanak-kanak atau murid pada setiap peringkat umur mesti melaksanakan tugas perkembangan masing-masing. Kegagalan untuk memenuhi tugas perkembangan pada sesuatu peringkat boleh menjejaskan perkembangan kanak-kanak atau murid pada peringkat seterusnya. Pentadbiran di peringkat sekolah mestilah memahami murid sebagai organisme yang berkembang dan kompleks. Mereka menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang kompleks dalam proses perkembangan diri dan memerlukan bantuan serta bimbingan daripada guru-guru di sekolah (KPM, 2007).

Dalam kajian ini, murid sekolah yang terlibat dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun yang telah mendapat amaran 1 dan amaran 2. Kriteria pemilihan murid ini yang belajar di sekolah harian luar bandar yang di kenalpasti oleh Penolong PPD Kaunseling dan Kerjaya, Penolong Kanan (HEM), guru disiplin dan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah berdasarkan data statistik (SSDM) dan (BJKM) serta (E-Kehadiran) yang telah menunjukkan salah laku ponteng di daerah Hulu Perak dalam keadaan yang membimbangkan dan perlu di bantu oleh modul bimbingan kelompok (CTRTR).





1.8.7 Ponteng

Menurut Nawawi et. al. (2016), ponteng didefinisikan sebagai ketidakhadiran murid ke sekolah secara sengaja tanpa alasan yang munasabah. Ting (1983) mengaitkan aktiviti ponteng sekolah dengan tingkah laku devian atau lencongan, yang merujuk kepada tingkah laku yang tidak memenuhi norma sosial sesuatu kumpulan masyarakat. Ponteng sekolah dianggap sebagai tingkah laku devian kerana murid tidak hadir ke sekolah tanpa alasan munasabah dan tanpa pengetahuan ibu bapa dan guru. Menurut Kamus Dewan, ponteng didefinisikan sebagai lari daripada tanggungjawab atau tugas tanpa kebenaran. Selain itu, ponteng juga merujuk kepada murid yang hadir ke sekolah tetapi tidak menghadiri kelas, sama ada satu kelas, beberapa kelas, ataupun semua kelas dalam satu hari.



Dalam penyelidikan ini, pengkaji menggunakan *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) yang boleh dikaitkan dengan pelbagai teori tingkah laku seperti teori pelaziman emosi dan teori pembelajaran sosial. Teori pelaziman emosi menjelaskan bahawa seseorang murid pada mulanya tidak memperlihatkan emosi takut kepada guru disiplin, tetapi apabila melihat guru disiplin mendenda dan menengking murid yang ponteng sekolah, mereka menjadi takut kepada guru disiplin yang garang. Pelaziman emosi takut ini berlaku sehingga akhirnya menyebabkan murid tidak hadir ke sekolah (Arsaythamby et al., 2014).

Menurut Eastman et. al. (2007) "*Truancy is a status offense, that is, an act that would not be criminal if committed by an adult*". Gabb (1994) pula menyatakan *truancy is disobedience*. Menurut beliau, murid ke sekolah adalah satu kewajipan





undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Oleh sebab itu, tindakan ponteng sekolah merupakan satu bentuk pelanggaran autoriti atau salah laku. Menurut Animasahun (2009) "*Truancy is a delinquent and anti-social behavior; therefore, this behavior can be explained from the perspectives of certain theories of delinquency*".

Dalam konteks psikologi pendidikan, ponteng sekolah didefinisikan sebagai ketidakhadiran murid ke sekolah secara sengaja tanpa alasan yang sah, yang dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran yang berkaitan dengan keperluan psikologi mereka. Berdasarkan Teori Pilihan (*Choice Theory*) yang diperkenalkan oleh William Glasser, tingkah laku ponteng sekolah bukan sekadar pelanggaran disiplin, tetapi merupakan satu bentuk pilihan individu yang dibuat untuk memenuhi keperluan asas psikologi mereka, termasuk keperluan untuk bertahan (*survival*), memiliki dan disayangi (*love and belonging*), kuasa dan pengiktirafan (*power*), kebebasan (*freedom*), serta keseronokan (*fun*). Secara operasional, ponteng sekolah boleh dijelaskan melalui perspektif berikut: Ponteng sebagai manifestasi keperluan psikologi yang tidak dipenuhi. Murid yang tidak merasakan rasa memiliki dan disayangi dalam persekitaran sekolah mungkin akan memilih untuk ponteng kerana mereka tidak merasakan keterikatan sosial yang kuat dengan guru atau rakan sebaya. Sebagai contoh, murid yang sering diabaikan dalam kelas atau mengalami buli cenderung memilih untuk menghindari sekolah sebagai satu bentuk perlindungan diri. Ponteng sebagai strategi kawalan ke atas persekitaran.

Dalam konteks kajian ini, Teori Pilihan, murid mempunyai keinginan untuk mencapai kuasa dan pengiktirafan. Jika mereka merasa terpinggir atau tidak dihormati di sekolah, ponteng boleh menjadi satu bentuk ekspresi untuk mendapatkan kawalan





terhadap situasi mereka. Contohnya, murid yang gagal dalam akademik mungkin memilih untuk ponteng bagi mengelakkan rasa malu atau kritikan daripada guru dan rakan sebaya. Ponteng sebagai satu bentuk kebebasan dan keseronokan. Murid yang berasa bosan dengan persekitaran sekolah atau tidak tertarik dengan kaedah pengajaran mungkin melihat ponteng sebagai cara untuk memenuhi keperluan kebebasan dan keseronokan mereka. Sebagai contoh, mereka mungkin lebih memilih untuk menghabiskan masa dengan rakan di luar sekolah atau terlibat dalam aktiviti yang dirasakan lebih menyeronokkan berbanding sesi pembelajaran di dalam kelas. Ponteng sebagai satu bentuk tingkah laku yang boleh diubah melalui Terapi Realiti.

Terapi Realiti (*Reality Therapy*) menekankan bahawa murid bertanggungjawab terhadap pilihan mereka dan boleh dibantu untuk membuat keputusan yang lebih baik. Dengan mengenal pasti sebab sebenar ponteng, guru dan kaunselor boleh membantu murid membangunkan strategi untuk menggantikan tingkah laku negatif dengan alternatif yang lebih positif. Contohnya, dengan menyediakan hubungan guru-murid yang lebih mesra, kaedah pengajaran yang lebih interaktif, serta persekitaran sekolah yang lebih menyokong, murid dapat melihat sekolah sebagai tempat yang lebih bermakna dan menarik. Kesimpulan, berdasarkan Teori Pilihan dan Terapi Realiti, ponteng sekolah bukan sekadar masalah disiplin, tetapi adalah manifestasi keperluan asas psikologi yang tidak dipenuhi. Dengan memahami faktor psikologi yang mendorong ponteng sekolah, intervensi yang lebih berkesan boleh dirancang bagi membantu murid membuat pilihan yang lebih bertanggungjawab terhadap masa depan mereka.





1.9 Limitasi Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang perlu diperhatikan. Limitasi ini berpotensi mempengaruhi hasil dan kesimpulan kajian serta keberkesanan intervensi yang dikaji. Memahami dan mengenal pasti limitasi ini adalah penting untuk memberikan perspektif yang lebih tepat dan kritikal terhadap hasil kajian. Limitasi kajian ini meliputi aspek metodologi, sampel, alat pengukuran, dan faktor luaran yang mungkin mempengaruhi keputusan kajian.

1.9.1 Teori

Dalam kajian ini gabungan *Choice Theory* (Teori Pilihan) dan *Reality Therapy* (Terapi Realiti) di gunakan, maka terhasil modul bimbingan kelompok *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT). Oleh yang demikian, segala dapatan kajian yang di peroleh daripada kajian ini terikat kepada asas serta andaian-andaian yang terkandung dalam teori ini sahaja.

Oleh itu, fokus segala perbincangan yang di jalankan adalah berdasarkan teori *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) ini. Namun ianya mungkin akan terdapat terma, fakta, kandungan dan sebagainya yang salah atau tidak betul jika di nilai dari sudut teori yang lain kerana terdapat perbezaan yang ketara di antara teori-teori yang lain berbanding teori dalam kajian ini.





1.9.2 Tempat Kajian

Dalam kajian ini hanya sebuah daerah sahaja yang di jadikan sebagai tempat kajian. Daerah tersebut adalah sekolah menengah yang terletak di dalam daerah Hulu Perak. Oleh yang demikian, dapatan kajian yang di peroleh nanti adalah terbatas dan aplikasinya terhad untuk di laksanakan secara menyeluruh terhadap sekolah-sekolah di kawasan tersebut sahaja. Dengan kata lain, dapatan kajian ini nanti tidak boleh di generalisasikan kepada sekolah-sekolah lain.

Tempat kajian ini di jalankan di Daerah Hulu Perak iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) yang memenuhi ciri kajian ini iaitu murid mempunyai sosial *academic status* (SAS), berdasarkan tahap akademik dan konstruk psikologi. Sekolah dan daerah yang di pilih berdasarkan data ponteng yang di peroleh, kemudahan dan kelengkapan yang terdapat dalam sekolah dan bilik Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah berkenaan dalam keadaan baik. Dengan kemudahan tersebut, proses bimbingan kelompok kecil dan besar berdasarkan modul *Choice Theory Reality Therapy* (CTRT) dapat di jalankan secara kondusif dan suasana terapeutik serta dapat di jalin untuk membantu perkembangan kelompok dan setiap ahli. Subjek kumpulan rawatan hadir untuk menjalani modul dengan mudah secara sukarela mengikut jadual yang di tetapkan. Pemilihan lokasi untuk menguji kajian adalah sangat penting. Lokasi yang sesuai akan melancarkan lagi perjalanan kajian di uji dengan subjek. Dengan itu, lokasi adalah aspek penting dalam kajian supaya kajian dapat di jalankan di dalam situasi sebenar tanpa mengalami sebarang kesulitan dalam membangunkan kajian.





Tempat kajian yang di pilih pengkaji ialah di kawasan daerah Hulu Perak, Perak Darul Ridzuan. Nama sekolah yang terlibat di rahsiakan bagi memastikan etika kerahsiaan berkaitan sampel kajian dapat di patuhi sebaiknya. Pengkaji telah bersetuju memilih lokasi kajian ini di sebabkan sampel yang di pilih dapat memenuhi skop dan kehendak kajian yang akan di jalankan. Hal ini kerana data dan rekod Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Perak serta sekolah-sekolah dan kaunselor sendiri menunjukkan permasalahan ini berada pada tahap yang membimbangkan.

Selain itu, pengkaji memilih tempat kajian ini di sebabkan oleh data yang di perolehi menunjukkan peratusan ponteng di daerah ini sangat membimbangkan. Di tambah pula, lokasi kajian ini mempunyai prasarana dan kemudahan yang baik dalam memastikan kelancaran penyelidikan pengkaji.



1.9.3 Responden Kajian

Dalam memilih responden kajian, perkara pertama yang perlu dirujuk adalah rekod disiplin dan tahap disiplin murid itu sendiri. Pemilihan kriteria peserta dalam kalangan murid dikenalpasti akan membantu pengkaji dalam mengenalpasti kesan modul CTRT. Fokus peserta kajian yang dipilih adalah terdiri daripada murid yang melakukan salah laku ponteng sekolah yang telah mendapat amaran 1 dan 2.

Setelah responden kajian dikenalpasti, murid yang terlibat dengan salah laku disiplin ponteng sekolah akan diuji melalui modul bimbingan kelompok CTRT dengan menggunakan pendekatan bimbingan kelompok kecil dan besar untuk





mendapatkan min dan data statistik perbezaan yang mana lebih baik bagi membolehkan pengkaji menganalisa dan membuat kesimpulan.

Ketepatan kajian ini juga sangat bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soal selidik yang diberikan kepada mereka. Ketepatan kajian ini juga bergantung kepada jumlah sampel yang digunakan. Hasil daripada soal selidik yang dijalankan di sekolah-sekolah dalam daerah tersebut menunjukkan bahawa masalah ponteng sekolah dalam kalangan murid adalah kritikal.

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik telah menjelaskan maklumat berkaitan latar belakang kajian yang merujuk kepada senario semasa murid. Fokus penyelidik adalah terhadap bagaimana modul bimbingan kelompok (CTRT) terhadap tingkah laku dan keperluan asas murid ponteng sekolah pada masa ini. Selain itu, bab ini turut menjelaskan berkaitan dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah serta persoalan kajian juga telah di kemukakan agar penyelesaian dapat di wujudkan melalui kajian ini. Untuk memantapkan lagi kajian ini, turut di perjelaskan objektif kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, definisi kajian, limitasi kajian dan di akhiri dengan rumusan.

